

2 tan ikan terjual dalam masa sejam

Jualan ikan segar separuh harga yang diadakan di Taman Pahlawan bantu ringankan beban penduduk

KEBUN BAHARU - Jualan ikan segar separuh harga di Taman Pahlawan semalam disifatkan sebagai usaha membantu meringankan beban warga Kuala Langat.

Penyelaras Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, program anjuran Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) itu mendapat kerjasama Majlis Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Majlis Belia Negeri Selangor dan Persatuan Nelayan Negeri Selangor (Penegor) sekaligus mendapat sambutan di luar jangkaan.

Menurutnya, sebanyak dua tan ikan segar telah habis dijual dalam masa sejam.

"Program ini merupakan pertama kali diadakan di daerah ini... dan kami juga merancang untuk mengadakan jualan seperti ini lagi pada 30 Disember di satu lokasi di Jenjarum, Kuala Langat.

"Masa tu kita akan tambah jumlah jualan ikan, mungkin jadi le-

INFO
Program sama bakal diadakan pada 30 Disember ini di satu lokasi di Jenjarum

bih lima tan jika dapat bekalan ikan yang mencukupi bagi memberi peluang kepada rakyat mendapat hak keistimewaan mereka.

"Bagaimanapun, saya nak juga ingatkan kepada peniaga ikan yang ada supaya tak letakkan harga ikan dengan harga yang tinggi memandangkan sekarang adalah musim tengkujuh," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada program Jualan Ikan Segar di Taman Pahlawan, Telok Panglima Garang, semalam.

Hadir sama Timbalan Presiden Majlis Belia Selangor, Hafez Shuridin dan Pengerusi Penegor, Ab Aziz Selamat.

Sementara itu, penduduk, Mardhiah Ismail, 43, berkata, dia teruja dengan jualan ikan segar me-



Sebahagian pelanggan tidak melepaskan peluang mendapatkan ikan segar yang dijual dengan potongan harga mencecah 50 peratus di Taman Pahlawan, semalam.

mandangkan harga yang ditawarkan jauh lebih murah berbanding tempat lain.

Mardhiah berkata, jualan ini memberi peluang kepada ibu-ibu yang kebanyakan bekerja mendapatkan ikan segar dengan harga

murah pada hujung minggu.

"Saya harap sangat jualan ini diadakan dengan lebih kerap bagi membantu ibu-ibu yang bekerja mendapatkan bahan mentah pada hujung minggu dan tak perlu ke pasar lain.

"Bila saya dengar ada jualan ikan murah, saya terus datang tengok sendiri, lebih teruja bila ada jualan harga runtuh turut ditawarkan yang jarang sekali saya jumpa... ikan kan sekarang mahal," katanya ketika ditemui pemberita di jualan harga ikan segar di Taman Pahlawan, Telok Panglima Garang semalam.

Seorang pesara, Misral Deli, 55, berkata, program berkenaan perlu diadakan dengan lebih kerap bagi memberi peluang kepada penduduk mendapatkan bahan mentah segar dengan harga yang berpatutan.

Katanya, selalu dengar jualan ikan segar dan murah di tempat lain, namun bila ada di kawasan dia turut tidak melepaskan peluang.

"Pagi-pagi lagi saya dah datang tengok sendiri, ternyata memang harga yang ditawarkan jauh lebih murah berbanding biasa.

"Cuma, biar jualan ini dapat diadakan dengan lebih kerap di sebuah kawasan," katanya.

SRCC Run Sepang berjaya tarik peserta luar negara

SEPANG - Kelab Sukan dan Rekreasi (SRCC) Run Sepang berjaya menggerakkan 3,000 peserta menyertai program Negaraku Sehati Sejiva peringkat Parlimen Sepang, semalam.

Ketua Pemuda Umno Sepang, Noorazli Said berkata, beliau mengharapkan program itu menjadi platform untuk memacu semangat patriotik dan cintakan Malaysia terutama dalam kalangan generasi muda.

"Sebenarnya saya taksangka sambutan penyertaan sangat

mengalakkan termasuk terdapat penyertaan dari empat peserta luar negara terdiri dari Jerman dan United Kingdom.

"Bila tengok sokongan meriah, saya fikir ia boleh diteruskan serta berharap lebih banyak pihak badan bukan kerajaan (NGO) dapat membantu menjayakan di masa hadapan," katanya kepada media di sini, semalam.

Majlis pelepasan serta penyampaian hadiah disempurnakan oleh Ketua Umno Bahagian Sepang, Datuk Marsum Paing.

Hadir sama, Adun Dengkil, Shahrum Mohd Sharif.

Menurutnya, program itu merupakan anjuran Pemuda Umno Sepang dengan kerjasama Kelab SRCC Sepang.

Sebanyak dua kategori dipertandingkan terdiri daripada lelaki dan wanita yang memulakan larian pada jam 7 pagi sejauh lima kilometer.

Manakala, johan setiap kategori menerima hadiah wang tunai RM300, kedua RM200 dan ketiga RM100.



Sebahagian peserta Kelab SRCC Run Sepang bersedia memulakan larian.

Yakin empat bekas MB mampu kukuhkan BN

SEPANG - Pemuda Umno Sepang yakin empat bekas Menteri Besar Selangor mampu membantu mengukuhkan kempen BN bagi merampas semula Selangor pada PRU14 nanti.

Ketuanya, Noorazli Said berkata, kesemua mereka mempunyai pengalaman dalam bidang masing-masing semasa menjadi menteri besar serta telah mengadakan pelbagai program untuk kemajuan negeri ini.

Menurutnya, pihaknya juga turut mengalu-alukan kesanggupan Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim untuk bekerjasama dengan BN termasuk juga mana-mana pihak demi kepentingan rakyat, terutamanya di Selangor.

"Sebagaimana yang kita tahu beliau mempunyai profesionalisme dalam urus tadbir kerajaan Selangor semasa memegang jawatan dan sehingga kini masih lagi mempunyai pengaruh serta sokongan," katanya kepada media selepas menghadiri SRCC Run Sepang Negaraku Sehati Sejiva di Dengkil, semalam.

Kelmarin, bekas orang kuat PKR itu muncul bersama bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri



NOORAZLI

Muhammad Muhd Taib pada Korvensyen Umno Selangor 2017 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Kehadiran beliau di konvensyen tertutup berkenaan bersama kepimpinan tertinggi Umno itu adalah sebagai sokongan terhadap parti itu untuk menawan semula Selangor pada PRU14.

Melalui kenyataan dikeluarkan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak yang juga Adun Pelabuhan Klang itu, beliau sanggup bekerjasama dengan mana-mana pihak demi kepentingan rakyat, terutamanya di Selangor.

Noorazli berkata, kesediaan Khalid membantu BN itu menjadi suatu kelebihan terutama bagi menghadapi PRU yang akan datang.

Katanya, sebagai bekas menteri besar mereka pasti akan menggunakan landasan ini untuk memberi penerangan dan penjelasan kepada rakyat tentang dasar serta kemajuan Selangor yang telah dibangunkan pada masa lalu.

"Kita akan gandakan usaha demi memenuhi hasrat rakyat kerana saya berpendapat Selangor perlu ada perubahan," katanya.